

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT TIMBALAN KETUA MENTERI SABAH

Dekan SPPS Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Abdullah telah mengetuai satu kumpulan dari SPPS dalam kunjungan hormat ke pejabat Timbalan Ketua Menteri Sabah, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin di pejabat beliau di Wisma Pertanian, Kota Kinabalu. Kunjungan pada 10 Februari 2010 memberi ruang kepada kedua-dua pihak berkonsensi pendapat dalam pelbagai perkara khususnya berkaitan isu pendidikan di negeri Sabah.

Rombongan turut menyampaikan hasrat SPPS untuk menjemput Kerajaan Negeri Sabah sebagai pengajur bersama "Kolokium Kebangsaan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan" yang diadakan pada 11 dan 12 Mei tahun ini. Antara yang turut serta dalam kunjungan tersebut adalah Timbalan Dekan Akademik dan Hal-Ehwal Pelajar, Dr. Christina Peter Ligadu, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Dr. Tan Choon Keong, Ketua Unit PPLB, Prof. Madya Dr. Na'imah Yusoff, Prof. Madya Dr. Baharom Mohamad dan En. Ismail Ladama.

